

23 MAR 2000

Abdullah-Polis (Bergambar)/I

KEKALKAN IMEJ PADA TAHAP TERTINGGI, ABDULLAH BERITAHU POLIS

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Hampir 200 tahun lamanya, polis Malaysia telah berjuang menentang perompak, perogol, pembunuh serta komunis dan kini mereka berhadapan dengan "peperangan" untuk mengembalikan imej mereka yang tercemar.

"Mata lebam" Datuk Seri Anwar Ibrahim, doktor muda yang ditembak mati oleh seorang anggota polis dan kematian dalam lokap polis yang tidak dapat dijelaskan, merupakan kes-kes terbaru yang mencetuskan keraguan mengenai kewibawaan dan imej Polis Diraja Malaysia yang akan genap 193 tahun Sabtu ini.

Tetapi Timbalan Perana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pasukan polis "menggalkan imej mereka pada tahap yang tertinggi".

"Polis mesti menunjukkan bahawa mereka adalah pasukan yang boleh dipercayai dan menyedari bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk dilaksanakan," kata Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri dalam satu temubual di sini sempena Hari Polis.

Di sebalik tuduhan-tuduhan salah laku yang serius termasuk oleh pegawai tinggi seperti bekas ketua polis negara serta tidak terkecuali sebilangan konstabel, Abdullah berkata secara keseluruhannya polis telah melaksanakan "tugas yang baik".

"Kita sudah pasti berpuashati dengan pencapaian pasukan polis kita," katanya.

Malah, kata beliau Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan telah menyatakan rasa terima kasih kepada pasukan polis dalam banyak ucapan termasuk di Parlimen.

Menurut Abdullah walaupun terdapat beberapa "insiden" yang membabitkan polis, mereka (polis) telah mengambil tindakan serta merta terhadap anggota yang bersalah.

"Mereka telah dibawa ke mahkamah untuk diadili," katanya.

Timbalan Perdana Menteri meminta orang ramai terus menghormati polis sebagai sebuah profesion yang mulia.

Kepada anggota polis, beliau meminta mereka menunjukkan kewibawaan dalam menjalankan tugas jika inginkan profesion itu terus dihormati dan disanjung.

Pasukan itu dianggap sedang berhadapan dengan tempoh yang paling sukar sejak negara mencapai kemerdekaan apabila anggotanya berjuang untuk mengembalikan imej mereka yang berpunca ada kalanya daripada apa yang disifatkan sebagai "keadaan yang tidak diduga".

Polis menjadi bahan perbualan termasuk di peringkat antarabangsa apabila Tan Sri Abdul Rahim Noor yang ketika itu menjadi Ketua Polis Negara mengaku mencederakan Anwar Ibrahim, bekas timbalan perdana menteri semasa dalam tahanan polis, pada Siasatan Suruhanjaya Diraja tahun lepas.

Peristiwa "mata lebam" berakhir apabila Abdul Rahim dijatuhi hukuman penjara dua bulan pada 15 Mac. Abdul Rahim membuat rayuan terhadap hukuman itu.

Satu lagi tanggapan orang ramai ialah anggota polis yang "gila menembak". Dalam satu kejadian tahun lepas, seorang anggota polis menembak mati seorang doktor muda yang berada dalam kereta yang sedang berhenti bersama teman wanitanya.

Sepanjang temubual selama sejam itu, Abdullah juga bercakap mengenai perlunya memodenkan pasukan polis dengan pelaksanaan teknologi terkini bagi

membanteras jenayah.

Menurutnya kualiti kakitangan dan struktur organisasi pasukan polis perlu di pertingkatkan.

Abdullah berkata dalam usaha untuk mendapatkan hanya yang terbaik, kerajaan mungkin akan mengkaji semula kelayakan untuk pegawai dan anggota baru.

Polis juga perlu meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang teknologi maklumat (IT) kerana "penjenayah pun sekarang telah mahir dalam bidang IT", katanya.

Selain memberi peluang kepada anggota polis untuk menghadiri kursus IT dalam negeri, kerajaan juga akan menghantar mereka ke luar negara.

"Kita mahu pegawai-pegawai kita benar-benar berkemampuan dan canggih," kata Abdullah.

Beliau juga mahu polis menjadi "sumber" kepada kerajaan dalam memberi maklum balas mengenai perkembangan dalam dunia jenayah supaya tindakan segera dan sesuai dapat diambil untuk menanganinya.

-- BERNAMA

ES LAT RON